



LAPORAN INVENTORI PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU NEGERI MELAKA —2016—



EPU
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT, MALAYSIA



INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND GROWTH TRIANGLE

Laporan ini telah disahkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd



TAJUK
LAPORAN INVENTORI PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU NEGERI MELAKA 2016

Dokumen ini telah disediakan oleh: Perbadanan Teknologi Hijau Melaka dengan sokongan daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan IMT-GT Sub-regional Cooperation.

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka

YBhg. Datuk Wira Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Azahar bin Hj. Mohamed
Aeisha binti Md Sharip, Nurliana binti Zainul Adnan, Faiqah Nadhirah binti Faizol, Mohammad Haziq Aslah bin Abdul Wahab
Nadhirah binti Ahmad

Hak Cipta Terpelihara © Perbadanan Teknologi Hijau Melaka (2021)

Reka bentuk kulit: Nadhirah binti Ahmad

Tahun penerbitan: 2021

Penghargaan:

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi kerajaan dan swasta atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan dalam menyempurnakan laporan inventori ini.

Verifikasi:

Merujuk kepada laporan penuh bertajuk SQAS-GHG-EP91340001_2020 bertarikh 13 Januari 2021, laporan ini telah disahkan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa juga sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin daripada penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka
Aras 3, Wisma Negeri
Bandar MITC, Hang Tuah Jaya
75450 Ayer Keroh
Melaka

admin@melakagreentech.gov.my
www.melakagreentech.gov.my



KATA-KATA ALUAN

Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Teknologi Hijau Melaka

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

Pertama sekali, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita diberkati dengan kesihatan dan kemakmuran.

Usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Melaka dalam menerbitkan Laporan Inventori Pelepasan Gas Rumah Hijau 2016 secara tidak langsung mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mengurangkan impak perubahan iklim selaras dengan hasrat Kerajaan Persekutuan. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran dan penghargaan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri atas segala usaha dan sumbangan dalam memastikan laporan ini berjaya dihasilkan.

Perbadanan Teknologi Hijau Melaka telah berjaya menghasilkan Laporan Inventori Pelepasan Gas Rumah Hijau Negeri Melaka 2016. Laporan ini telah mencatatkan kadar pelepasan gas rumah hijau negeri Melaka pada tahun 2016 bagi sektor Tenaga Pegun, Pengangkutan, Sisa dan Pertanian, Perhutanan dan Lain-lain Penggunaan Tanah (AFOLU).

Laporan ini dapat membantu negeri Melaka untuk merangka pelan tindakan adaptasi dan mitigasi terhadap perubahan iklim untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 45% berbanding intensiti pada tahun 2005.

Sekian, terima kasih.

YBHG. DATUK WIRA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Teknologi Hijau Melaka



JADUAL KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN	i
JADUAL KANDUNGAN.....	ii
SENARAI JADUAL	iii
SENARAI RAJAH	iv
BAB 1 PROFIL NEGERI MELAKA	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Bahagian Pentadbiran Melaka	2
1.2.1 Melaka Tengah	2
1.2.2 Alor Gajah	2
1.2.3 Jasin	2
1.3 Populasi	3
1.4 Keadaan Iklim.....	3
1.5 Komposisi Ekonomi.....	3
BAB 2 METODOLOGI.....	5
2.1 Protokol dan Prinsip	5
2.1.1 Gas Rumah Hijau.....	6
2.1.2 Sumber Pelepasan GRH.....	6
2.2 Pengumpulan Data.....	7
2.2.1 Sempadan Inventori.....	7
2.3 Pengiraan Data	8
2.3.1 Faktor Pelepasan	8
2.3.2 Potensi Pemanasan Global.....	9
BAB 3 INVENTORI PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU MELAKA.....	10
3.1 Tenaga Pegun.....	10
3.1.1 Bangunan Kediaman	11
3.1.2 Bangunan Komersial dan Institusi serta Kemudahan	12
3.1.3 Industri Pembuatan dan Pembinaan	14
3.1.4 Penjanaan Tenaga yang Dibekalkan ke Grid.....	16
3.1.5 Aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	17
3.1.6 Ringkasan Jumlah Peratusan Pelepasan CO ₂ bagi Subsektor Tenaga Pegun	19
3.2 Pengangkutan Bergerak.....	20
3.2.1 Pengangkutan Jalan Raya	20
3.2.2 Pengangkutan Kereta Api	23
3.2.3 Penerbangan Awam	26
3.2.4 Ringkasan Jumlah Peratusan Pelepasan CO ₂ Mengikut Subsektor Pengangkutan	27
3.3 Sisa	28
3.3.1 Sisa Pepejal ke Tapak Pembuangan Terbuka	28
3.3.2 Rawatan Biologi Sisa Pepejal	30
3.3.3 Ringkasan Peratusan Pelepasan CO ₂ oleh Sektor Sisa	31
3.4 Pertanian, Perhutanan dan Lain-Lain Penggunaan Tanah	32
3.4.1 Pelepasan Ternakan	33
3.4.2 Ringkasan Peratusan Pelepasan CO ₂ bagi Sektor Pertanian, Perhutanan dan Lain-lain Penggunaan Tanah	34
BAB 4 KESIMPULAN.....	35
4.1 Ringkasan Pelepasan GRH negeri Melaka bagi tahun 2016	35
RUJUKAN	38
PENGHARGAAN	39



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Maklumat Inventori Bandar	2
Jadual 1.2 KDNK mengikut sektor untuk negeri Melaka (2013 - 2016)	3
Jadual 1.3 Bilangan kilang mengikut produk di negeri Melaka	4
Jadual 2.1 Skop dan sumber pelepasan melibatkan BASIC dan BASIC+	6
Jadual 2.2 Sektor, subsektor dan Skop yang diliputi oleh Laporan Inventori GRH Negeri Melaka 2016	7
Jadual 2.3 Definisi Skop bagi inventori bandar	7
Jadual 2.4 Nilai Potensi Pemanasan Global (GWP) untuk GRH	9
Jadual 3.1 Gambaran keseluruhan Tenaga Pegun	10
Jadual 3.2 Grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH bagi bangunan kediaman di negeri Melaka	11
Jadual 3.3 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan kediaman pada tahun 2016	12
Jadual 3.4 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH untuk bangunan komersial dan institusi di negeri Melaka	13
Jadual 3.5 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan komersial dan institusi serta kemudahan pada tahun 2016	13
Jadual 3.6 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH untuk industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka (2011 - 2016)	14
Jadual 3.7 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan dalam industri pembuatan dan pembinaan pada tahun 2016	15
Jadual 3.8 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan dalam penjana tenaga yang dibekalkan ke grid pada tahun 2016	16
Jadual 3.9 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH bagi aktiviti pertanian, perhutanan, dan perikanan di negeri Melaka	17
Jadual 3.10 Ringkasan jumlah peratusan pelepasan CO ₂ bagi subsektor Tenaga Pegun di negeri Melaka (2016)	19
Jadual 3.11 Gambaran Keseluruhan Pengangkutan Bergerak	20
Jadual 3.12 Jumlah kenderaan terkumpul di negeri Melaka	21
Jadual 3.13 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan oleh pengangkutan darat pada tahun 2016	21
Jadual 3.14 Perkhidmatan bas awam	23
Jadual 3.15 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH bagi pengangkutan kereta api pada tahun 2016	24
Jadual 3.16 Penggunaan grid elektrik dan pelepasan GRH oleh ETS dan Komuter pada tahun 2016	25
Jadual 3.17 Bilangan LTO untuk setiap model pesawat di negeri Melaka dan nilai pelepasan GRH daripada penerbangan awam untuk tahun 2016	26
Jadual 3.18 Ringkasan peratusan pelepasan CO ₂ bagi subsektor Pengangkutan Bergerak di negeri Melaka (2016)	27
Jadual 3.19 Gambaran Keseluruhan Sektor Sisa	28
Jadual 3.20 Komposisi Sisa untuk negeri Melaka	28
Jadual 3.21 Jumlah sampah tahunan dan pelepasan GRH daripada sisa pepejal ke tapak pembuangan terbuka (2012 - 2016)	29
Jadual 3.22 Jumlah tahunan bagi kompos dan pelepasan GRH yang dihasilkan di negeri Melaka (2012 - 2016)	30
Jadual 3.23 Ringkasan peratusan pelepasan CO ₂ daripada sektor Sisa di negeri Melaka (2016)	31
Jadual 3.24 Gambaran Keseluruhan Sektor AFOLU	32
Jadual 3.25 Bilangan haiwan dan pelepasan GRH daripada Fermentasi Enterik dan Pengurusan Baja di negeri Melaka bagi tahun 2016	33
Jadual 3.26 Ringkasan Peratusan Pelepasan CO ₂ daripada Sektor AFOLU di negeri Melaka (2016)	34
Jadual 4.1 Peratusan dan pelepasan GRH terkumpul di negeri Melaka pada tahun 2016	35



SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Peta Negeri Melaka dan daerahnya	1
Rajah 2.1 Sumber dan sempadan pelepasan GRH bandar	8
Rajah 3.1 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada bangunan kediaman di negeri Melaka (2011 – 2016).....	11
Rajah 3.2 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan kediaman di negeri Melaka untuk tahun 2016.....	12
Rajah 3.3 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka (2011 - 2016)	13
Rajah 3.4 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka pada tahun 2016.....	14
Rajah 3.5 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka (2011 - 2016)	15
Rajah 3.6 Peratusan pelepasan GRH daripada penggunaan bahan bakar dalam industri pembuatan pada tahun 2016	16
Rajah 3.7 Peratusan pelepasan GRH daripada penggunaan bahan bakar dalam penjaan tenaga yang dibekalkan ke grid pada tahun 2016.....	17
Rajah 3.8 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada aktiviti pertanian, perhutanan, dan perikanan di negeri Melaka (2011 - 2016)	18
Rajah 3.9 Peratusan pelepasan GRH daripada sumber Tenaga Pegun di negeri Melaka pada tahun 2016	19
Rajah 3.10 Graf jumlah kenderaan terkumpul di negeri Melaka (2016).....	21
Rajah 3.11 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan oleh pengangkutan darat di negeri Melaka pada tahun 2016.....	22
Rajah 3.12 Peratusan penggunaan bahan bakar diesel untuk pengangkutan kereta api di negeri Melaka pada tahun 2016	24
Rajah 3.13 Peratusan pelepasan GRH daripada penggunaan grid elektrik untuk pengangkutan kereta api di negeri Melaka (2016)	25
Rajah 3.14 Peratusan pelepasan GRH daripada subsektor Pengangkutan Bergerak di negeri Melaka (2016)	27
Rajah 3.15 Komposisi Sisa negeri Melaka pada tahun 2016.....	29
Rajah 3.16 Trend pelepasan GRH tahunan daripada sektor Sisa di negeri Melaka (2012 - 2016).....	30
Rajah 3.17 Peratusan pelepasan GRH daripada sektor Sisa di negeri Melaka (2016).....	31
Rajah 3.18 Gambaran Keseluruhan Sumber Pelepasan AFOLU	32
Rajah 3.19 Peratusan pelepasan GRH daripada Fermentasi Enterik dan Pengurusan Baja daripada sektor AFOLU di negeri Melaka pada tahun 2016.....	34
Rajah 4.1 Peratusan pelepasan GRH di negeri Melaka bagi Skop 1 (wilayah) untuk tahun 2016.....	36
Rajah 4.2 Peratusan pelepasan GRH di negeri Melaka bagi Skop 2 untuk tahun 2016	37

BAB 1 PROFIL NEGERI MELAKA

Melaka merupakan negeri terkecil daripada 14 buah negeri di Malaysia di mana terletaknya Bandar Melaka yang merupakan pusat bandar kaya dengan warisan dan diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO sejak tahun 2007. Pada abad ke-16, Melaka merupakan pusat perdagangan terkemuka yang menarik pedagang dari seluruh Timur dan Asia Barat, termasuk India dan China. Melaka amat diminati oleh peneroka Eropah yang berusaha mengawal pergerakan kapal antara Lautan Hindi dan Laut China Selatan kerana lokasinya yang strategik di Semenanjung Malaysia dan mempunyai kawasan perairan yang sempit di Selat Melaka. Hari ini, sejarah Melaka dapat dilihat melalui seni bina, budaya tempatan, dan masakan pelbagai etnik yang mendorong berjuta-juta pelancong datang berkunjung saban tahun.

1.1 Pengenalan

Melaka merupakan sebuah negeri pelancongan yang terkenal dan terletak di bahagian pantai barat daya Semenanjung Malaysia bersebelahan dengan Selat Melaka. Melaka berkongsi sempadan utaranya dengan Negeri Sembilan dan sempadan selatannya dengan Johor.



Rajah 1.1 Peta Negeri Melaka dan daerahnya

Negeri Melaka terbahagi kepada tiga daerah di bawah bidang kuasa yang berasingan dan empat majlis tempatan. Jadual 1.1 berikut memaparkan maklumat inventori bagi negeri Melaka.



Had Inventori		Maklumat Bandar	
Nama Negeri		Melaka	
Negara		Malaysia	
Tahun Inventori		2016	
Luas Kawasan (km ²)	Melaka Tengah	300.1	1,663.1
	Alor Gajah	673.8	
	Jasin	689.2	
Populasi Penduduk	Melaka Tengah	551,000	901,100
	Alor Gajah	201,500	
	Jasin	148,600	

Sumber: Data Asas Melaka 2016

Jadual 1.1 Maklumat Inventori Bandar

1.2 Bahagian Pentadbiran Melaka

Negeri Melaka terbahagi kepada tiga daerah: Melaka Tengah, Alor Gajah, dan Jasin. Maklumat ringkas mengenai setiap daerah adalah seperti berikut:

1.2.1 Melaka Tengah

Melaka Tengah merupakan daerah terkecil di Melaka yang hanya berkeluasan sekitar 18.0% mengikut luas tanah dan mempunyai kepadatan penduduk tertinggi iaitu hampir 1,836 orang /km². Daerah Melaka Tengah mempunyai luas 300.1 km² dan populasi seramai 551,000 orang. Ibu negeri Melaka iaitu Kota Melaka merupakan destinasi pelancongan utama kerana kebanyakan tempat bersejarah terletak di daerah ini. Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) ialah dua majlis perbandaran tempatan yang merangkumi daerah ini dan berfungsi di bawah pemerintahan Negeri Melaka.

1.2.2 Alor Gajah

Alor Gajah merupakan daerah kedua terbesar di Melaka. Hanya berkeluasan 40.5% daripada keseluruhan tanah negeri dan meliputi kawasan seluas 673.8 km² dan menampung penduduk seramai 201,500 orang. Alor Gajah juga merupakan kawasan parlimen Negeri Melaka dan berada di bawah bidang kuasa Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Bersempadan dengan Tampin di utara, berkongsi sempadan timurnya dengan Jasin dan sempadan selatannya dengan Melaka Tengah.

1.2.3 Jasin

Jasin ialah daerah terbesar di Melaka yang meliputi 41.5% daripada tanah keseluruhan negeri dan mempunyai kawasan seluas 689.2 km² dan menampung penduduk seramai 148,600 orang. Kawasan yang berdekatan dengan Jasin ialah Melaka Tengah (di selatan), Alor Gajah (di sebelah barat), Muar, dan Negeri Sembilan (di utara). Pembangunan di Jasin lebih tertumpu di Pekan Jasin, Pekan Merlimau dan Pekan Selandar yang masing-masing bertindak sebagai pusat pentadbiran, komersial dan perindustrian di daerah ini. Daerah ini telah ditetapkan sebagai kawasan tadahan air. Justeru itu, kegiatan perindustrian telah dihadkan di sekitar daerah kota Jasin dan Merlimau sahaja.



1.3 Populasi

Pada tahun 2016, jumlah penduduk di Melaka adalah sekitar 901,100 orang. Komposisi etnik Melaka terdiri daripada orang Melayu (63.3%), Cina dan Peranakan (24.6%), India dan Chitty (5.9%) serta minoriti Kristang dan masyarakat Eurasia Belanda. Jumlah penduduk Melaka dijangkakan meningkat daripada 830,900 pada tahun 2011 kepada 952,500 pada tahun 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020).

1.4 Keadaan Iklim

Cuaca di negeri Melaka adalah panas dan lembap sepanjang tahun, dengan intensiti penurunan hujan yang berbeza-beza. Negeri ini mempunyai iklim hutan hujan tropika. Suhu umum berpurata antara 30°C - 35°C pada siang hari dan 27°C - 29°C pada waktu malam.

1.5 Komposisi Ekonomi

Sektor pembuatan dan perkhidmatan merupakan dua sektor ekonomi yang dominan di Melaka. Sektor pembuatan membentuk bahagian ekonomi yang stabil manakala sektor perkhidmatan (berkaitan pelancongan perubatan dan budaya) terus berkembang dengan pesat. Pada tahun 2016, Melaka memperoleh KDNK RM 33,155 juta dengan KDNK per kapita RM 41,363.

Sektor pembuatan mempunyai peratusan yang tinggi memberi peluang untuk teknologi yang lebih hijau dan bersih diaplikasikan bagi menyokong agenda Pengeluaran dan Penggunaan yang Lestari dan Ekonomi Hijau di Melaka. Terdapat lapan perkara utama yang dikelaskan di bawah ekonomi hijau, iaitu tenaga boleh diperbaharui, bangunan hijau, pengangkutan bersih, pengurusan air, pengurusan sampah, pengurusan tanah lestari, ekonomi lestari dan pengurusan lestari yang melibatkan sektor industri dan perkhidmatan (Khairul Naim Adham, Merle, & Weihs, 2013). Sebagai sebuah negeri bandar yang dianggap "kecil", kesan daripada sektor pembuatan menyumbang kepada intensiti pelepasan gas rumah hijau yang tinggi.

Sektor	2013		2014		2015		2016	
	RM (Juta)	Peratus (%)	RM (Juta)	Peratus (%)	RM (Juta)	Peratus (%)	RM (Juta)	Peratus (%)
Pertanian	3,085	11.04%	3,218	10.70%	3,394	10.70%	3,529	10.64%
Perlombongan	35	0.13%	41	0.14%	44	0.14%	53	0.16%
Pembuatan	11,070	39.63%	12,167	40.46%	12,979	40.92%	13,491	40.69%
Pembinaan	788	2.82%	743	2.47%	770	2.43%	813	2.45%
Perkhidmatan	12,934	46.31%	13,882	46.16%	14,467	45.62%	15,206	45.86%
Duti Impot	20	0.07%	21	0.07%	61	0.19%	63	0.19%
Pendapatan Per Kapita (RM)	27,932		30,072		31,715		33,155	

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN Melaka)

Jadual 1.2 KDNK mengikut sektor untuk negeri Melaka (2013 - 2016)



Melaka merangkumi kawasan seluas 1,663.1 km² dan sebahagian besar tanah ini digunakan untuk aktiviti pertanian. Pada tahun 2016, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar ekonomi di Melaka iaitu sebanyak 45.86%, diikuti oleh pembuatan (40.69%), pertanian (10.64%), dan pembinaan (2.45%). Pada tahun 2016, jumlah pekerja di Melaka adalah 397,300 orang. Bilangan kilang mengikut kategori produk di Melaka diringkaskan dalam Jadual 1.3 berikut.

Produk	Bilangan Kilang yang Beroperasi			
	2013	2014	2015	2016
Kimia & Farmaseutikal	13	14	10	10
Elektrik & Elektronik	65	66	54	54
Keluli, Besi & Aluminium	44	44	44	46
Tekstil	10	10	15	15
Plastik	37	37	24	24
Makanan & Kilang Makanan	40	40	42	42
Getah	18	18	23	23
Kayu & Perabot	40	40	27	27
Kertas, Kotak Karton & Percetakan	46	47	44	44
Kejuruteraan / Pembentukan	32	35	20	24
Perkhidmatan	20	20	20	20
Gudang	17	17	17	17
Lain-lain	53	53	53	53
Jumlah	435	441	393	399

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN Melaka)

Jadual 1.3 Bilangan kilang mengikut produk di negeri Melaka



BAB 2 METODOLOGI

2.1 Protokol dan Prinsip

Inventori Gas Rumah Hijau (GRH) telah disediakan sesuai dengan prinsip dan piawaian yang diluluskan daripada Protokol Global untuk Pelepasan Gas Rumah Hijau Skala Komuniti (GPC). Protokol ini menyediakan metodologi dan garis panduan berasaskan standard antarabangsa untuk membantu pemerintah tempatan dalam mengukur pelepasan GRH daripada seluruh komuniti (sektor perumahan, komersial, pengangkutan, industri dan pertanian) dalam sempadan geografi bandar dan wilayah. GPC ialah protokol antarabangsa, yang diformalkan untuk pelaporan standard antarabangsa bagi pemerintah subnasional di seluruh dunia.

GPC bertujuan untuk menyelaraskan proses pengukuran dan pelaporan pelepasan GRH untuk bandar-bandar di seluruh dunia. Laporan GRH ini bertujuan untuk mematuhi prinsip protokol melalui pelepasan yang bersesuaian dengan kerajaan tempatan, lengkap serta mengambil kira kebanyakan aktiviti GRH dalam sempadan, mempromosikan konsistensi metodologi perakaunan GRH, melalui ketelusan secara faktual dan koheren serta meningkatkan ketepatan maklumat untuk membolehkan keputusan dilakukan dengan jaminan yang munasabah.

Prinsip utama yang digunakan untuk inventori GRH ini adalah seperti berikut:

- Inventori GRH harus mematuhi prinsip perakaunan dan pelaporan GRH iaitu berdasarkan kesesuaian, lengkap, telus, konsisten, tepat dan boleh diukur;
- Inventori mesti diasingkan dan konsisten untuk membolehkan campur tangan yang berkesan berkaitan dengan polisi, teknologi dll;
- Pelepasan kewangan tahunan untuk gas Kyoto yang relevan hendaklah dilaporkan;
- Garis panduan Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) yang terkini dan garis panduan nasional yang relevan akan digunakan untuk menentukan pelepasan;
- Pelepasan hendaklah dilaporkan dari segi karbon dioksida yang setara (CO₂e), menggunakan terbitan terkini potensi pemanasan global IPCC; dan
- Jaminan kualiti hendaklah dilaksanakan, yang mana-mana berkenaan mengikut garis panduan antarabangsa semanfaat yang mungkin.

Laporan ini menggunakan dua pendekatan yang berbeza tetapi saling melengkapi:

- ❖ **Kerangka skop**, yang mendorong negeri Melaka untuk melaporkan pelepasan GRH secara komprehensif melibatkan aktiviti yang berlaku dalam sempadan geografi negeri dengan mengelaskan sumber pelepasan menjadi tiga (3) skop: sumber dalam sempadan (Skop 1, atau “wilayah”) sumber tenaga yang dibekalkan grid (Skop 2), dan sumber luar sempadan (Skop 3); dan
- ❖ **Kerangka yang diinduksi oleh bandar**, yang menyediakan dua tingkat pelaporan yang menunjukkan tahap kelengkapan yang berbeza: tingkat BASIC, atau tingkat BASIC +. Perbezaan dalam dua tahap ini dapat dilihat pada Jadual 2.1 di bawah.



BASIC	BASIC+
<ul style="list-style-type: none">• Semua pelepasan Skop 1 daripada sumber Tenaga Pegun (tidak termasuk pengeluaran tenaga yang dibekalkan ke grid, yang akan dilaporkan dalam jumlah Skop 1)• Semua pelepasan Skop 1 daripada sumber Pengangkutan• Semua pelepasan Skop 1 daripada sumber Sisa (tidak termasuk pelepasan daripada sisa yang diimport, yang harus dilaporkan dalam jumlah Skop 1)• Semua pelepasan Skop 2 daripada sumber Tenaga Pegun dan pengangkutan• Skop 3 pelepasan daripada rawatan sisa yang dieksport	<ul style="list-style-type: none">• Semua pelepasan Skop 1 daripada IPPU• Semua pelepasan Skop 1 daripada AFOLU• Pelepasan Skop 3 daripada sumber Tenaga Pegun (hanya kerugian penghantaran dan pengedaran), dan Pengangkutan

Jadual 2.1 Skop dan sumber pelepasan melibatkan BASIC dan BASIC+

Laporan Inventori Pelepasan Gas Rumah Hijau Negeri Melaka 2016 kini berdasarkan keperluan laporan peringkat BASIC, tetapi dengan penambahan pelepasan Skop 1 daripada AFOLU.

2.1.1 Gas Rumah Hijau

Negeri Melaka telah mengambil kira pelepasan tiga gas yang diperlukan untuk pelaporan inventori GRH kebangsaan di bawah Protokol Kyoto: **karbon dioksida (CO₂)**, **metana (CH₄)**, dan **nitrat oksida (N₂O)**.

2.1.2 Sumber Pelepasan GRH

Pelepasan GRH daripada aktiviti dalam sempadan negeri Melaka terbahagi kepada empat sektor utama iaitu:

- Tenaga Pegun
- Pengangkutan
- Sisa
- Pertanian, Perhutanan, dan Lain-lain Penggunaan Tanah (AFOLU)

Pelepasan daripada sektor-sektor ini dikelaskan mengikut kepada subsektor dalam laporan ini, seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.2 di bawah. Penerangan untuk setiap Skop boleh didapati di subbahagian 2.2.1, Jadual 2.3.



Sektor	Subsektor	Skop 1	Skop 2	Skop 3
TENAGA PEGUN	Bangunan kediaman	✓	✓	
	Bangunan komersial dan institusi serta fasiliti	✓	✓	
	Industri pembuatan dan pembinaan	✓	✓	
	Penjanaan tenaga dibekalkan ke grid	✓		
	Pertanian, perhutanan, dan aktiviti perikanan		✓	
PENGANGKUTAN	Atas jalan raya	✓		
	Kereta api	✓	✓	
	Penerbangan awam	✓		
SISA	Pembuangan sisa pepejal	✓		
	Sisa rawatan biologi	✓		
PERTANIAN, PERHUTANAN, DAN LAIN-LAIN PENGGUNAAN TANAH	Ternakan	✓		

Jadual 2.2 Sektor, subsektor dan Skop yang diliputi oleh Laporan Inventori GRH Negeri Melaka 2016

2.2 Pengumpulan Data

Data dikumpulkan daripada pelbagai sumber termasuk agensi kerajaan dan swasta. Contohnya, data penduduk negeri Melaka dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) diperoleh daripada Data Asas Melaka 2016 yang diterbitkan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri Melaka (UPEN Melaka).

Data yang dikumpulkan merangkumi pelepasan daripada aktiviti masyarakat dalam sempadan negeri Melaka. Ini termasuk pelepasan daripada sumber dan/atau kegiatan daripada unit pegun (kediaman, kemudahan komersial/institusi, perindustrian, industri tenaga, dan pertanian), unit pengangkutan bergerak, sisa, pemprosesan industri dan penggunaan produk, dan pertanian, perhutanan dan penggunaan tanah. Data tenaga dan pelepasan juga merangkumi penggunaan tenaga dan pelepasan GRH yang dihasilkan daripada fasiliti untuk bekalan air, rawatan air sisa dan lampu jalan.

2.2.1 Sempadan Inventori


Pelepasan GRH yang berlaku dalam sempadan negeri Melaka dikelaskan mengikut jenis Skop masing-masing. Definisi Skop adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2.3 di bawah, seperti disesuaikan daripada GPC.

Skop	Definisi
Skop 1	Pelepasan GRH daripada sumber yang terletak di dalam sempadan bandar
Skop 2	Pelepasan GRH berlaku sebagai kesan penggunaan elektrik yang dibekalkan oleh grid, haba, wap dan / atau penyejukan dalam sempadan bandar.
Skop 3	Semua pelepasan GRH lain yang berlaku di luar sempadan bandar hasil daripada aktiviti yang berlaku di dalam sempadan bandar.

Sumber: GPC

Jadual 2.3 Definisi Skop bagi inventori bandar

Untuk laporan inventori ini khususnya, hanya Skop 1 dan 2 yang diambil kira. Proses untuk menentukan sempadan inventori agak mudah, memandangkan Skop 3 bermaksud bahawa pelepasan berlaku di mana-mana negeri jiran. Rajah 2.1 di bawah menunjukkan contoh bagaimana sektor dan subsektor dibezakan, yang telah membantu dalam menetapkan sempadan inventori.



Sumber: GPC

Rajah 2.1 Sumber dan sempadan pelepasan GRH bandar

2.3 Pengiraan Data

Untuk Inventori GRH Negeri Melaka 2016, metodologi yang paling sesuai untuk pengiraan data telah dipilih iaitu yang paling sesuai dan selaras dengan data sedia ada. Metodologi ini juga memenuhi syarat GPC dan mematuhi Garis Panduan IPCC.

2.3.1 Faktor Pelepasan

Bagi menganggar pelepasan GRH daripada berbagai kegiatan atau sumber di sesuatu wilayah, pelaksanaan pengukuran langsung secara fizikal ke atas GRH yang dilepaskan adalah tidak sesuai untuk dilaksanakan. Sebaliknya, metodologi umum untuk menganggarkan pelepasan GRH adalah dengan menggunakan prinsip faktor pelepasan dan data aktiviti yang relevan untuk menganggarkan pelepasan tersebut.



$$GRH_A = EF_A \times D_A$$

Di mana, GRH_A = GRH kesan pelepasan daripada aktiviti A;

EF_A = faktor pelepasan untuk aktiviti A; dan

D_A = data untuk aktiviti A

Faktor pelepasan untuk aktiviti tertentu bergantung kepada penggunaan tenaga dan pelepasan langsung GRH yang dihasilkan daripada aktiviti tersebut. Oleh sebab faktor pelepasan bergantung kepada penggunaan tenaga dan pelepasan langsung GRH, faktor-faktor tersebut cenderung untuk berubah di setiap lokasi atau untuk teknologi yang berbeza. Sebagai contoh, faktor pelepasan per kWh elektrik yang digunakan akan berbeza di setiap negara atau wilayah kerana campuran tenaga yang berbeza-beza, ciri-ciri bahan bakar yang digunakan dan kecekapan penjana elektrik. Faktor pelepasan per kilometer yang dilalui akan berbeza-beza bergantung kepada ciri-ciri bahan bakar dan enjin untuk setiap kenderaan, pola pemanduan dan corak kebiasaan lalu lintas. Untuk menganggarkan inventori GRH dengan tepat, adalah penting untuk menggunakan faktor pelepasan yang paling sesuai dengan lokasi.

Faktor pelepasan yang digunakan untuk laporan ini adalah faktor pelepasan Panel Antara Kerajaan mengenai Perubahan Iklim (IPCC) yang diperolehi daripada Garis Panduan IPCC 2006 untuk Inventori Gas Rumah Hijau Kebangsaan. Maklumat tersebut tersedia melalui Pangkalan Data Faktor Pelepasan IPCC (EFDB), yang dapat dimuat turun oleh pengguna daripada halaman dalam talian EFDB (<https://www.ipcc-nggip.iges.or.jp/EFDB/main.php>). Maklumat daripada EFDB dikembangkan menurut laporan bercetak yang dihasilkan oleh Pasukan Petugas untuk Inventori Gas Rumah Hijau Kebangsaan (TFI) IPCC.

2.3.2 Potensi Pemanasan Global

Inventori GRH telah dilaporkan dari segi jumlah pelepasan setara karbon dioksida (CO_2e). GRH individu harus ditukar menjadi CO_2e dengan mendarabkan dengan pekali GWP 100 tahun dalam versi terbaru Garis Panduan IPCC. GWP memberikan kesan perubahan iklim, dari segi kesan pemanasan di atmosfera, untuk setiap GRH dengan merujuk kepada CO_2 . Nilai GWP berdasarkan Laporan Penilaian Kelima IPCC (2013) seperti dibentangkan dalam Jadual 2.4 di bawah.

Nama	Formula	Nilai GWP dalam Laporan Penilaian Kelima IPCC (CO_2e)
Karbon Dioksida	CO_2	1
Metana	CH_4	28
Nitrat Oksida	N_2O	265

Sumber: IPCC

Jadual 2.4 Nilai Potensi Pemanasan Global (GWP) untuk GRH



BAB 3 INVENTORI PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU MELAKA

Tahun asas bagi inventori GRH untuk negeri Melaka ialah tahun 2013. Laporan 2013 telah diterbitkan pada tahun sebelumnya. Kajian ini sangat bergantung kepada data sekunder yang diperolehi daripada pelbagai agensi kerajaan dan swasta, tahun asas dipilih agar maklumat yang didokumentasi sesuai untuk digunakan. Data tahun-tahun sebelumnya hingga 2011 juga telah dikumpulkan dan ini membantu terhadap pemahaman trend penggunaan tenaga dan pelepasan GRH di seluruh sektor di bandar. Dalam laporan ini, pelepasan GRH diklasifikasikan ke dalam empat (4) sektor utama: **tenaga pegun, pengangkutan, sisa, dan pertanian, perhutanan, dan penggunaan tanah lain (AFOLU)**. Sektor-sektor dan setiap subsektornya akan diuraikan dengan lebih lanjut mengikut pecahan subtopik dalam bab ini.

3.1 Tenaga Pegun

Sumber tenaga pegun di negeri Melaka dapat dikenal pasti mengikut Skop masing-masing berdasarkan Jadual 3.1 di bawah:

Sumber Pelepasan GRH	Skop 1	Skop 2	Skop 3
Tenaga Pegun	Pelepasan daripada pembakaran bahan bakar dan pelepasan dalam sempadan bandar	Pelepasan daripada penggunaan tenaga yang dibekalkan oleh grid yang digunakan dalam sempadan bandar	Kerugian dalam penghantaran dan pengedaran daripada penggunaan tenaga yang dibekalkan grid
Bangunan kediaman	✓	✓	
Bangunan komersial dan institusi serta kemudahan	✓	✓	
Industri pembuatan dan pembinaan	✓	✓	
Penjanaan tenaga yang dibekalkan ke grid	✓		
Aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan		✓	

Jadual 3.1 Gambaran keseluruhan Tenaga Pegun


Menurut Jadual 3.1, sumber pelepasan GRH daripada sektor tenaga pegun berpunca hanya daripada **bangunan kediaman, bangunan komersial dan institusi serta kemudahan, industri pembuatan dan pembinaan, penjanaan tenaga yang dibekalkan ke grid, dan kegiatan pertanian, perhutanan dan perikanan**. Data aktiviti diperolehi daripada data penggunaan nyata, atau data penjualan bahan bakar, seperti yang disediakan oleh penyedia bahan bakar. Pelepasan dihitung dengan mendarabkan data aktiviti dengan faktor pelepasan yang sesuai untuk setiap jenis bahan bakar. Di bahagian ini, pelepasan GRH untuk setiap subsektor dijelaskan dalam subtopik masing-masing.

3.1.1 Bangunan Kediaman

Tenaga pegun yang dihasilkan daripada bangunan kediaman didefinisikan oleh GPC sebagai semua pelepasan daripada penggunaan tenaga oleh isi rumah. Gas rumah hijau yang dilepaskan daripada bangunan kediaman di negeri Melaka umumnya berasal daripada penggunaan grid elektrik, serta minyak tanah dan LPG sebagai sumber bahan bakar domestik. Berdasarkan Jadual 3.2 dan **Error! Reference source not found.**, penggunaan grid elektrik tahunan dan nilai pelepasan GRH masing-masing dijadualkan dan dibentangkan.

Grid elektrik	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Penggunaan (GWh)	578.55	615.45	649.57	685.76	714.26	744.50
Pelepasan GRH (tCO ₂ e)	432,176.85	456,048.45	481,980.94	475,917.44	470,697.34	496,581.50

Jadual 3.2 Grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH bagi bangunan kediaman di negeri Melaka




Rajah 3.1 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada bangunan kediaman di negeri Melaka (2011 – 2016)

Berdasarkan Jadual 3.2, nilai penggunaan grid elektrik meningkat secara beransur-ansur dari tahun 2011 hingga 2016, trend pelepasan GRH pada Rajah 3.1 mengalami sedikit peningkatan dari tahun 2011 hingga 2013, sebelum menurun sedikit dari tahun 2013 hingga 2015, dan meningkat semula pada tahun 2016. Pada tahun 2016, penduduk negeri Melaka telah menggunakan kira-kira 744.50 GWh grid elektrik, dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada pelepasan GRH sebanyak 496,581.50 tCO₂e ke atmosfera.

Jadual 3.3 di bawah menunjukkan nilai penggunaan bahan bakar dan nilai pelepasan GRH daripada LPG yang digunakan di bangunan kediaman di negeri Melaka untuk tahun 2016. Perwakilan visual untuk data dalam Jadual 3.3 di bawah dapat dilihat pada Rajah 3.2.

Jenis Bahan Bakar	Unit	Penggunaan	tCO ₂ e	
			Pelepasan GRH	Jumlah Pelepasan
LPG	kg	17,508,444.773	52,394.116	52,394.116

Jadual 3.3 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan kediaman pada tahun 2016



Rajah 3.2 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan kediaman di negeri Melaka untuk tahun 2016

Penggunaan LPG di negeri Melaka telah menyumbang sebanyak 52,394.12 tCO₂e ke atmosfera. Dapat dilihat daripada Rajah 3.2 bahawa LPG ialah satu-satunya sumber pelepasan GRH daripada penggunaan bahan bakar di bangunan kediaman di negeri Melaka. Hal ini kerana sumber minyak tanah (kerosin) telah dihentikan sejak tahun 2015, menurut maklumat daripada penyedia bahan bakar.


3.1.2 Bangunan Komersial dan Institusi serta Kemudahan

Bangunan komersial dan institusi serta kemudahan menyediakan perkhidmatan awam untuk keperluan masyarakat: keselamatan, komunikasi, rekreasi, sukan, pendidikan, kesihatan, pentadbiran awam, agama, budaya, dan sosial. Bangunan komersial dan institusi di negeri Melaka termasuk kedai runcit, kompleks membeli-belah, hotel, bangunan pejabat, sekolah, hospital, dan pejabat pemerintah; dan kemudahan yang merangkumi lampu jalan awam.

Jadual 3.4 di bawah menunjukkan penggunaan grid elektrik tahunan dan nilai pelepasan GRH untuk bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka. Data penggunaan grid elektrik disediakan oleh pembekal utiliti Malaysia, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Rajah 3.3 adalah perwakilan visual untuk Jadual 3.4, yang menunjukkan arah aliran penggunaan dan pelepasan bagi setiap tahun dari 2011 hingga 2016.

Grid elektrik	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Penggunaan (GWh)	922.410	943.760	767.460	800.630	1,022.590	1,030.610
Pelepasan GRH (tCO ₂ e)	689,040.27	699,326.16	569,455.32	555,637.22	673,886.81	687,416.87

Jadual 3.4 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH untuk bangunan komersial dan institusi di negeri Melaka




Rajah 3.3 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka (2011 - 2016)

Berdasarkan Jadual 3.4 di atas, nilai untuk penggunaan grid elektrik menunjukkan beberapa perubahan yang tidak signifikan, manakala trend pelepasan GRH daripada bangunan komersial dan institusi serta kemudahan dalam Rajah 3.3 menunjukkan beberapa perubahan yang nyata iaitu meningkat dan menurun. Pada tahun 2016, bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di Negeri Melaka telah menggunakan 1,030.610 GWh grid elektrik dan telah menyumbang kepada pelepasan GRH sebanyak 687,416.87 tCO₂e ke atmosfera.

Jadual 3.5 di bawah menunjukkan nilai penggunaan bahan bakar dan nilai pelepasan GRH daripada minyak tanah dan LPG yang digunakan di bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka untuk tahun 2016. Perwakilan visual untuk data dalam Jadual 3.5 di bawah dapat dilihat pada Rajah 3.4.

Jenis Bahan Bakar	Unit	Penggunaan	tCO ₂ e	
			Pelepasan GRH	Jumlah Pelepasan
Minyak tanah	L	158,340.000	411.965	3,654.474
LPG	kg	1,083,543.238	3,242.509	

Jadual 3.5 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan komersial dan institusi serta kemudahan pada tahun 2016



Rajah 3.4 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan di bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka pada tahun 2016

Merujuk Rajah 3.4 di atas, dapat disimpulkan bahawa LPG adalah penyumbang pelepasan GRH terbesar daripada bangunan komersial dan institusi serta kemudahan di negeri Melaka, iaitu sebanyak 89%. Penggunaan minyak tanah dan LPG di negeri Melaka telah menyumbang kepada pelepasan GRH ke atmosfera dengan jumlah 3,654.474 tCO₂e untuk tahun 2016. Secara amnya, nilai pelepasan GRH adalah relatif terhadap nilai penggunaan bahan bakar; sejumlah besar bahan bakar yang digunakan oleh subsektor menyumbang kepada sejumlah besar GRH yang dilepaskan ke atmosfera.


3.1.3 Industri Pembuatan dan Pembinaan

Untuk subsektor ini, penggunaan tenaga dalam industri pembuatan dan aktiviti pembinaan sahaja disertakan. Tenaga digunakan termasuk untuk pembakaran bahan bakar untuk tujuan operasi peralatan, seperti dandang, tungku, pembakar, turbin, pemanas, mesin, suar, dan sebagainya yang digunakan dalam industri. Sama dengan subsektor lain di sektor ini, data penjualan bahan bakar diperoleh daripada penyedia data.

Jadual 3.6 di bawah menunjukkan penggunaan grid elektrik tahunan dan nilai pelepasan GRH untuk industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka. Sama dengan subsektor sebelumnya, data penggunaan grid elektrik adalah seperti yang diberikan oleh penyedia utiliti Malaysia, iaitu Tenaga Nasional Berhad (TNB). Rajah 3.5 ialah perwakilan visual untuk Jadual 3.6, yang menunjukkan trend penggunaan dan pelepasan bagi setiap tahun dari 2011 hingga 2016.

Grid elektrik	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Penggunaan (GWh)	792.43	1,687.34	1,680.53	1,730.25	1,762.06	1,770.10
Pelepasan GRH (tCO ₂ e)	591,945.21	1,250,318.94	1,246,953.26	1,200,793.50	1,161,197.54	1,180,656.70

Jadual 3.6 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH untuk industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka (2011 - 2016)




Rajah 3.5 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka (2011 - 2016)

Berdasarkan Jadual 3.6 di atas, penggunaan grid elektrik tahunan untuk industri pembuatan dan pembinaan telah menunjukkan peningkatan yang drastik antara tahun 2011 dan 2012, dan kemudian dari tahun 2012 hingga 2016, nilai-nilai tersebut hampir mendatar dengan sedikit perubahan. Hal yang sama telah berlaku untuk garis aliran pelepasan GRH pada Rajah 3.5 di atas, di mana nilainya telah meningkat secara mendadak dari tahun 2011 hingga 2012. Seperti dinyatakan sebelum ini, nilai pelepasan GRH adalah relatif terhadap nilai penggunaan tenaga. Oleh itu, ini adalah penyebab utama peningkatan dramatik antara tahun 2011 dan 2012. Pada tahun 2016, industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka telah menggunakan sekitar 1,770.10 GWh grid elektrik, dan telah menyumbang kepada 1,180,656.70 tCO₂e pelepasan GRH ke atmosfera.

Jadual 3.7 di bawah menunjukkan nilai penggunaan bahan bakar dan nilai pelepasan GRH daripada PNG, petrol, diesel dan minyak relau yang digunakan dalam industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka untuk tahun 2016. Perwakilan visual untuk data dalam Jadual 3.7 di bawah dapat dilihat pada Rajah 3.6.

Jenis Bahan Bakar	Unit	Penggunaan	tCO ₂ e	
			Pelepasan GRH	Jumlah Pelepasan
PNG	scm	132,846,477.500	263,711.167	340,224.429
Petrol	L	1,637,840.000	3,946.804	
Diesel	L	16,537,460.000	44,100.565	
Minyak Relau	L	9,629,824.000	28,465.893	

Jadual 3.7 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan dalam industri pembuatan dan pembinaan pada tahun 2016



Rajah 3.6 Peratusan pelepasan GRH daripada penggunaan bahan bakar dalam industri pembuatan pada tahun 2016

Merujuk Jadual 3.7 dan Rajah 3.6 di atas, dapat disimpulkan bahawa industri pembuatan dan pembinaan di negeri Melaka lebih banyak menggunakan PNG daripada bahan bakar lain seperti petrol, diesel dan minyak relau. Oleh itu, penggunaan PNG telah menjadi penyumbang terbesar pelepasan GRH untuk tahun 2016, iaitu pada 78%.


3.1.4 Penjanaan Tenaga yang Dibekalkan ke Grid

GPC mendefinisikan pelepasan daripada penjanaan tenaga yang dibekalkan ke grid sebagai semua pelepasan daripada penjanaan tenaga grid untuk elektrik, wap, haba dan penyejukan. Pelepasan daripada subsektor ini dianggap dalam Skop 1 yang termasuk sebagai sumber yang diperlukan untuk jumlah wilayah tetapi tidak untuk pelaporan BASIC / BASIC+. Seperti disebutkan dalam Bab 2.1, laporan ini mematuhi persyaratan pelaporan BASIC. Negeri Melaka mempunyai tiga stesen janakuasa: Pahlawan Power, Panglima Power, dan Powertek.

Jadual 3.8 di bawah menunjukkan nilai penggunaan bahan bakar dan nilai pelepasan GRH daripada diesel dan gas asli yang digunakan oleh industri penjana tenaga di negeri Melaka untuk tahun 2016. Perwakilan visual untuk data dalam Jadual 3.8 di bawah dapat dilihat pada Rajah 3.7.

Jenis Bahan Bakar	Unit	Penggunaan	tCO ₂ e	
			Pelepasan GRH	Jumlah Pelepasan
Diesel	L	1,970,597.000	5,241.187	3,020,140.993
Gas Asli	GJ	53,689,371.384	3,014,899.805	

Jadual 3.8 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan dalam penjanaan tenaga yang dibekalkan ke grid pada tahun 2016



Rajah 3.7 Peratusan pelepasan GRH daripada penggunaan bahan bakar dalam penjanaan tenaga yang dibekalkan ke grid pada tahun 2016

Berdasarkan Jadual 3.8 dan Rajah 3.7 di atas, gas asli adalah bahan api yang paling banyak digunakan untuk pengeluaran grid elektrik di negeri Melaka. Pembakaran bahan api daripada aktiviti ini telah menyumbang sekitar 3,020,140.993 tCO₂e pelepasan GRH ke atmosfera, dengan gas asli menjadi penyumbang GRH terbesar berbanding dengan bahan bakar diesel. Namun kerana laporan ini mematuhi persyaratan pelaporan tingkat BASIC, jumlah ini tidak dapat dijumlahkan bersama untuk mengelakkan pengiraan ganda. Penjelasan untuk pernyataan ini boleh didapati dalam Bab 3.1.6 dan BAB 4 laporan ini.


3.1.5 Aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan

Untuk subtopik ini, hanya pelepasan GRH daripada pembakaran bahan bakar langsung bagi kegiatan pertanian, perhutanan, dan perikanan dipertimbangkan. Pelepasan daripada kategori ini biasanya daripada operasi kenderaan ladang dan jentera, penjana ke lampu kuasa, pam, pemanas, penyejuk, dan operasi lain yang berkaitan.

Jadual 3.9 di bawah menunjukkan penggunaan grid elektrik tahunan dan nilai pelepasan GRH untuk aktiviti pertanian, perhutanan, dan penangkapan ikan di negeri Melaka. Rajah 3.8 adalah perwakilan visual untuk Jadual 3.9, yang menunjukkan trend penggunaan dan pelepasan bagi setiap tahun dari tahun 2011 hingga 2016.

Grid elektrik	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Penggunaan (GWh)	59.65	45.23	41.19	55.69	58.58	59.65
Pelepasan GRH (tCO ₂ e)	44,558.55	33,515.43	30,562.98	38,648.86	38,604.22	39,786.55

Jadual 3.9 Penggunaan grid elektrik tahunan dan pelepasan GRH bagi aktiviti pertanian, perhutanan, dan perikanan di negeri Melaka



Rajah 3.8 Trend pelepasan GRH grid elektrik tahunan daripada aktiviti pertanian, perhutanan, dan perikanan di negeri Melaka (2011 - 2016)


Merujuk Jadual 3.9, penggunaan grid elektrik tahunan untuk aktiviti pertanian, perhutanan, dan perikanan telah menunjukkan peningkatan nilai dari tahun 2011 hingga 2016. Pada Rajah 3.8, garis aliran pelepasan GRH telah menurun secara dramatik dari 2011 hingga 2012, dan menurun lagi hingga 2013, sebelum meningkat lagi menjelang tahun 2014 dan meningkat dengan sedikit dari 2015 hingga 2016. Pada tahun 2016, kegiatan pertanian, perhutanan, dan perikanan di negeri Melaka telah menggunakan sekitar 59.65 GWh grid elektrik, dan telah melepaskan sekitar 39,786.55 tCO₂e GRH ke atmosfera.

3.1.6 Ringkasan Jumlah Peratusan Pelepasan CO₂ bagi Subsektor Tenaga Pegun

Jadual 3.10 di bawah menunjukkan bahagian pelepasan CO₂ terkumpul bagi subsektor tenaga pegun di negeri Melaka untuk tahun 2016. Untuk sektor Tenaga Pegun, industri pembuatan dan pembinaan merupakan penyumbang terbesar pelepasan GRH, iaitu pada 54.30%. Rajah 3.9 di bahagian ini melengkapkan Jadual 3.10 sebagai representasi visual untuk data tersebut. Seperti yang dinyatakan di bahagian selanjutnya daripada Bab 3.1.4, untuk memenuhi persyaratan BASIC untuk protokol inventori GRH, Penjanaan Tenaga yang Dibekalkan ke Grid tidak dapat dimasukkan dalam pelepasan keseluruhan sekaligus menjelaskan mengapa subsektor tersebut tidak terkandung dalam Jadual 3.10 dan Rajah 3.9 di bawah.

Subsektor Tenaga Pegun	Pelepasan GRH (tCO ₂ e)	Peratusan
Bangunan Kediaman	548,975.616	19.60%
Bangunan komersial dan institusi serta kemudahan	691,071.344	24.67%
Industri Pembuatan dan Pembinaan	1,520,881.129	54.30%
Aktiviti Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	39,786.550	1.42%
Jumlah	2,800,714.64	100%

Jadual 3.10 Ringkasan jumlah peratusan pelepasan CO₂ bagi subsektor Tenaga Pegun di negeri Melaka (2016)



Rajah 3.9 Peratusan pelepasan GRH daripada sumber Tenaga Pegun di negeri Melaka pada tahun 2016

3.2 Pengangkutan Bergerak

Sistem pengangkutan berfungsi untuk memindahkan orang dan barang daripada satu tempat ke tempat lain. Kenderaan pengangkutan dan peralatan bergerak melepaskan GRH melalui pembakaran bahan bakar dan secara tidak langsung juga menggunakan grid elektrik. Sektor pengangkutan di negeri Melaka boleh dikelaskan mengikut Skop, berdasarkan Jadual 3.11 di bawah.

Sumber Pelepasan GRH	Skop 1	Skop 2	Skop 3
Pengangkutan Bergerak	Pelepasan daripada pembakaran bahan api dan pengangkutan yang berlaku dalam bandar	Pelepasan daripada penggunaan tenaga yang dibekalkan grid untuk pengangkutan dalam sempadan	Pelepasan dari sebahagian perjalanan rentas sempadan yang berlaku di luar bandar, dan kehilangan penghantaran dan pendedaran daripada tenaga yang dibekalkan grid
Pengangkutan Atas Jalan Raya	✓		
Kereta Api	✓	✓	
Penerbangan Awam	✓		

Jadual 3.11 Gambaran Keseluruhan Pengangkutan Bergerak

Menurut Jadual 3.11 di atas, sumber pelepasan GRH daripada sektor pengangkutan bergerak di negeri Melaka hanya berasal daripada penggunaan **pengangkutan atas jalan raya, kereta api** dan **penerbangan awam**. Data aktiviti diperolehi daripada data penjualan bahan bakar yang disediakan oleh penyedia bahan bakar. Pelepasan dihitung dengan mendarabkan data aktiviti dengan faktor pelepasan yang sesuai untuk setiap jenis bahan bakar. Kaedah ini dinamakan dalam GPC sebagai **Pendekatan Penjualan Bahan Bakar**, melalui struktur atas-ke-bawah yang menggunakan jumlah data penjualan bahan bakar yang dikeluarkan oleh penyedia bahan bakar dan didarabkan dengan faktor pelepasan GRH, yang merupakan kaedah yang paling sesuai untuk menghitung pelepasan Skop 1 dan Skop 2. Di bahagian ini, pelepasan GRH untuk setiap subsektor akan dijelaskan mengikut subtopik masing-masing di bawah.


3.2.1 Pengangkutan Jalan Raya

Pengangkutan darat didefinisikan dalam GPC sebagai kenderaan yang digunakan untuk mengangkut orang, harta benda, atau bahan di jalan atau lebuh raya. GRH yang dilepaskan dari pengangkutan darat di negeri Melaka umumnya berasal daripada pembakaran bahan bakar cair atau gas dalam enjin pembakaran dalaman, seperti petrol dan diesel. Pembakaran bahan api ini menghasilkan CO₂, CH₄, dan N₂O.

Jadual 3.12 di bawah menunjukkan jumlah kenderaan terkumpul di negeri Melaka untuk tahun 2016. Data khusus ini dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), sebuah agensi kerajaan yang mengawal atur kenderaan bermotor dengan selamat. Rajah 3.10 di bawah ini menyertakan Jadual 3.12 sebagai gambaran visualnya.

Jenis Kenderaan Atas Jalan	2016
Motokar	343,165
Motosikal	466,918
Bas	1,487
Teksi	1,899
Kereta Sewa	41
Kenderaan Barangan	28,189
Kenderaan lain	8,608
Jumlah	850,307

Jadual 3.12 Jumlah kenderaan terkumpul di negeri Melaka




Rajah 3.10 Graf jumlah kenderaan terkumpul di negeri Melaka (2016)

Jadual 3.13 di bawah menunjukkan nilai penggunaan bahan bakar dan nilai pelepasan GRH daripada petrol dan diesel yang digunakan oleh pengangkutan jalan raya di negeri Melaka untuk tahun 2016. Perwakilan visual untuk data dalam Jadual 3.13 di bawah dapat dilihat pada Rajah 3.11.

Jenis Bahan Bakar	Unit	Penggunaan	tCO ₂ e	
			Pelepasan GRH	Jumlah Pelepasan
Petrol	L	531,451,874.000	1,215,506.194	1,149,599.63
Diesel	L	148,071,587.000	392,538.014	
CNG	L	29,357,767.000	83,079.510	

Jadual 3.13 Penggunaan bahan bakar dan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan oleh pengangkutan darat pada tahun 2016



Rajah 3.11 Peratusan pelepasan GRH daripada bahan bakar yang digunakan oleh pengangkutan darat di negeri Melaka pada tahun 2016

Merujuk Jadual 3.13 dan Rajah 3.11 di atas, terbukti bahawa pembakaran petrol telah melepaskan jumlah GRH tertinggi ke atmosfera, pada 72% (1,215,506.19 tCO₂e). Seperti yang dinyatakan dalam subtopik sebelumnya, nilai pelepasan GRH adalah relatif terhadap nilai penggunaan bahan bakarnya, oleh sebab itu, semakin banyak bahan bakar yang digunakan, semakin tinggi sumbangannya terhadap pengeluaran GRH di atmosfera.

Sebagai tambahan kepada data dalam Jadual 3.13, sebilangan kecil diesel yang dibekalkan ke negeri Melaka digunakan oleh perkhidmatan bas sewaan dan bas awam. Terdapat dua pengendali utama di negeri Melaka: Panorama Melaka Sdn Bhd dan MARA Liner Sdn Bhd; dua syarikat yang mengurus dan menyediakan perkhidmatan bas awam di dalam sempadan negeri. Jadual 3.14 membentangkan data seperti yang diberikan oleh dua syarikat berkenaan berkaitan jumlah bahan bakar yang digunakan setiap hari.

Penerangan	Tahun 2016
Panorama Melaka Sdn Bhd	
Jumlah depot	1
Jumlah bas	48
Jumlah penumpang per hari	11,303
Jarak perjalanan	12,613 km/hari
Jumlah laluan bas	26
Jumlah laluan per hari	454 laluan/hari
Jarak operasi setiap bas per hari	235.47 km/hari
Jumlah bas diesel	48
Jumlah bas CNG	NIL
Bahan bakar diesel digunakan oleh bas	4,661.11 L/hari
MARA Liner Sdn Bhd	
Jumlah Depot	1
Jumlah Bas	16
Jumlah Penumpang per hari	1,464
Jarak Perjalanan	6,500 km/hari
Jumlah Laluan Bas	13
Jumlah Laluan per hari	141 trips/hari
Jarak Operasi Setiap Bas per hari	279.00 km/hari
Jumlah bas diesel	16
Jumlah bas CNG	NIL
Bahan bakar diesel digunakan oleh bas	1,816.03 L/hari
